

KHUTBAH JUMAAT

“PERPADUAN ASAS KEHARMONIAN NEGARA”

Sempena Hari Kebangsaan

(29 Ogos 2025M/ 05 Rabiulaawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama dan bersungguh-sungguh mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Laksanakanlah segala perintah-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan kehidupan yang hakiki di akhirat nanti.

Berikanlah perhatian yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Hindarkanlah daripada segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon bimbit, berbual-bual dan sebagainya. Khutbah pada kali ini, khatib ingin membawa para jemaah mendengar dan mengamati tajuk yang amat penting kepada masyarakat iaitu '**Perpaduan Asas Keharmonian Negara**'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita masih diberi peluang untuk menikmati nikmat iman, Islam, dan keamanan dalam negara yang kita cintai ini. Pada tanggal 31 Ogos ini, kita akan sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan sebagai satu peringatan akan betapa mahalnya harga sebuah kemerdekaan. Namun lebih daripada itu, kita juga wajib mensyukuri nikmat perpaduan yang menjadi asas kepada kemakmuran dan keselamatan negara kita, khususnya negeri Sarawak yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Perpaduan bukan sekadar slogan atau retorik politik, tetapi ia adalah perintah Allah yang wajib dipelihara oleh setiap Muslim. Allah Ta'ala berfirman dalam Surah Ali 'Imran, ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ...

Maksudnya: *Dan berpegang-teguhlah kamu semuanya kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu berpecah-belah; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara ...*

Kaum muslimin yang dikasihi,

Ayat-ayat al-Quran ini bukan sekadar sejarah dan tidak hanya lalu di pendengaran kita, tetapi peringatan yang terus relevan sepanjang zaman dan harus diambil perhatian. Sebelum datangnya Islam, masyarakat Arab saling berbunuhan, berdendam dan hidup dalam perpecahan. Namun apabila datangnya cahaya Islam, mereka menjadi bersatu-padu, hidup dalam kasih sayang, saling membantu dan sanggup berkorban demi agama dan saudara mereka.

Demikian jugalah kita di negara ini, khususnya di Sarawak. Meskipun berbeza kaum dan budaya, kita hidup bersama dalam aman dan damai kerana perpaduan yang dijalin atas dasar saling menghormati dan nilai-nilai Islam yang murni. Maka wajiblah kita menjaga perpaduan ini dengan penuh amanah dan tanggungjawab, kerana perpecahan hanya akan membawa kehancuran dan membuka ruang kepada musuh-musuh Islam untuk merosakkan masyarakat kita. Allah *subhanahu wata'ala* juga menegaskan dalam Surah al-Anfal, ayat 63:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٦٣)

Maksudnya: *Dan Dia telah menyatukan hati mereka. Sekiranya kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang ada di bumi ini, nescaya kamu tidak akan dapat menyatukan hati mereka. Akan tetapi Allah telah menyatukan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.*

Ini menunjukkan bahawa perpaduan yang sebenar lahir dari keikhlasan dan petunjuk Allah *subhanahu wata'ala*, bukan semata-mata hasil usaha manusia. Maka, marilah kita memohon kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar terus menyatukan hati kita semua di atas dasar taqwa dan keimanan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Perpaduan umat juga mesti diterjemahkan dalam bentuk amalan: saling membantu, menghormati perbezaan, tidak menimbulkan permusuhan, serta menjauhi fitnah dan provokasi. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

Dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 2, Allah menegaskan lagi:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ، وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ...

Maksudnya: *"...Dan tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan."*

Oleh itu, jemaah sekalian, marilah kita suburkan perpaduan dengan nilai-nilai Islam yang luhur. Bermula dari keluarga, ke tempat kerja,

sekolah, kampung dan seluruh masyarakat. Jadilah kita umat yang kuat kerana bersatu, bukan umat yang lemah kerana berpecah.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara yang boleh kita ambil sebagai peringatan dan kewajipan besama;

Pertama: Memelihara perpaduan merupakan satu kewajipan agama;

Kedua : Umat Islam adalah bersaudara, maka pelihara dan perkasakanlah persaudaran ini;

Ketiga : Memelihara keamanan dan kedamaian dalam kepelbagaian kaum dan budaya di Sarawak merupakan satu tuntutan agama dan tanggungjawab semua anak watan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di akhir ayat 103, Surah Ali 'Imran:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya: *Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.*

Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan orang yang bersyukur, yang memelihara perpaduan dan mendapat petunjuk serta rahmat daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Peliharalah solat lima waktu, begitu juga pastikan ahli keluarga kita menunaikannya. Perkukuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Daripada Abdullah bin Abbas *radiallahu anhum*a bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((يَا سَعْدُ، أَطْبَ مَطْعَمَكَ تَكُنْ مُسْتَجَابَ الدَّعْوَةِ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، إِنَّ الْعَبْدَ لَيَقْذِفُ اللَّقْمَةَ الْحَرَامَ فِي جَوْفِهِ مَا يُتَقَبَّلُ مِنْهُ عَمَلٌ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، وَإِنَّمَا عَبْدٌ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ))

Maksudnya: *Wahai Saad! Elokkanlah makananmu, engkau akan jadi orang yang mustajab doa. Demi (Tuhan) Yang nyawa Muhammad di tangan-Nya, sesungguhnya seseorang hamba yang mencampakkan satu suapan yang haram ke dalam rongganya, lantas tidak diterima daripadanya amal selama empat puluh hari".*

Dan Baginda menambah: “Mana-mana hamba yang tumbuh dagingnya dari yang haram dan riba, maka Nerakalah yang layak dengannya.

(Hadis riwayat Imam al-Tabarani)

Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat

keselamatan, keafiatan, kelapangan dan ketenangan hidup serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan segala perkara yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.